

# USM diyakini muncul universiti terbaik

KANGAR 5 Sept. - Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu (**gambar**) yakin Universiti Sains Malaysia (USM) yang diumumkan sebagai universiti Apex kelmarin, mampu mencapai sasaran kelompok 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

Sebagai bekas pelajar USM, beliau yakin sasaran itu mampu dicapai jika semua pihak di universiti itu daripada pengurusan sehingga para pelajarannya, memainkan peranan masing-masing.

“Sejak ditubuhkan pada 1969, USM telah menerima pelbagai pengiktirafan kecemerlangan yang tentunya membanggakan semua pihak termasuk pelajar dan bekas pelajarannya,” kata Md. Isa kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Md. Isa menamatkan pengajian di universiti itu pada 1977 dalam jurusan Sains Kemanusiaan dan Geografi.

Menurut beliau, USM telah melahirkan ramai graduan yang berjaya antaranya menjadi ‘orang besar’ dalam agensi-agensi kerajaan dan syarikat bukan kerajaan.

“USM telah melahirkan dua Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri yang ada sekarang iaitu di Perlis, Terengganu dan Melaka,” katanya.

